




SAAMAH Basri dan ibunya, Dumung, (kiri) berehat di rumah mereka yang turut mengalami banjir di sekitar Kampung Asahan.

Tak lena kalau hujan berterusan

Kuala Selangor: "Saya tidak lena tidur jika hujan berterusan terus-malamnya pada waktu malam kerana bimbang air masuk ke rumah," kata penduduk Kampung Seri Sentosa, Bestari Jaya, di sini, Lipot Yunus, 84.

Lipot berkata, dia terpaksa berhempas pulas untuk mengangkat barangannya ketika banjir minggu lalu.

Menurutnya, walaupun tidak mempunyai tenaga yang kuat, namun dia bersama suami Samira Riduan, 82, menggagahkan diri kerana tidak mahu barangan berharga milik mereka ditenggelami air.

"Kami terpaksa berada di rumah dan menunggu sehingga dibawa ke pusat pemindahan kerana tidak dapat bergerak.

"Penat bila berlaku banjir macam ini kerana badan sudah le-

mah selain kebas kaki untuk berjalan dalam air. Tapi saya terpaksa redah untuk keluar dari rumah," katanya ketika ditemui, semalam.

Dia berkata, itu adalah pengalaman terburuk banjir di kampung berkenaan sejak lebih 40 tahun lalu.

Katanya, dia dan suami sering diajak menetap bersama anak namun mereka lebih selesa menetap di rumahnya sendiri.

"Saya berdoa banjir ini surut sepenuhnya dan usaha pihak berkuasa mengatasi masalah ini berjaya supaya penduduk tidak lagi berdepan masalah ini setiap kali musim hujan," katanya.

Kuala Selangor antara daerah yang mengalami masalah banjir ekoran hujan lebat selain 'pertembungan' air laut dan air sungai kerana fenomena air pasang besar.

KATEGORI HUJAN

Peringkat kuning



Hujan sederhana dan sekejap boleh menyebabkan kawasan rendah banjir

Peringkat jingga



Hujan sederhana dan lebat berterusan

Peringkat merah



Hujan yang terlampau lebat hingga menyebabkan banjir



LIPOT menjemur pakaian selepas banjir.